

CNS4060

U GB 18-02 00143 AA952

bah

Mahathir - Tenaga

TINDAKAN TEGAS PERLU UNTUK ATASI KRISIS TENAGA, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 18 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata krisis tenaga yang sedang dihadapi negara adalah kritikal dan memerlukan tindakan tegas untuk menentukan bekalan elektrik mencukupi.

"Kita perlu pastikan sebab-sebab yang kita mempunyai begitu banyak gangguan dan mengambil tindakan untuk mengatasinya," katanya pada persidangan akhbar di lapangan terbang di Subang kembalinya dari lawatan rasmi ke Bangladesh dan Pakistan.

Jemaah Menteri **semalam** mengarahkan **supaya semua** usaha diambil untuk menyelesaikan masalah itu termasuk meminta Tenaga Nasional mempercepatkan kerja membaikpulih dan menyenggara stesen janakuasanya.

Perdana Menteri berkata **sebelum** inipun, Kabinet telah meminta laporan mengenai semua kejadian gangguan elektrik yang berlaku di seluruh negara.

"Kita agak terkejut dengan bilangan yang tinggi gangguan elektrik yang berlaku," katanya. -- Lagi.

♥18/02/11-44MST

CNS4082

U GB 18-02 00216 BA954

b a h

Mahathir - Tenaga 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Ketika ditanya sama ada krisis tenaga itu akan **menjejaskan** pelaburan asing ke negara ini, Dr Mahathir berkata Malaysia boleh mengatasi masalah tenaga itu.

"Kita telah meluluskan permintaan Tenaga Nasional untuk mengadakan turbin-turbin yang baru.

"Bagaimanapun ini akan mengambil masa sedikit untuk dipasang," katanya.

Krisis tenaga itu, antara lain, bcrpunca daripada perkembangan pesat sektor industri sehingga melebihi permintaan yang dianggarkan oleh Tenaga Nasional.

Semalam, Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Pos, Datuk Seri S. Samy Vellu menyatakan Tenaga Nasional akan menerima dua turbin baru yang berupaya menjana 300 MW tenaga elektrik.

Ia juga sedang berunding untuk mendapatkan lapan lagi turbin yang mempunyai keupayaan yang sama.

Rundingan juga dibuat dengan sebuah syarikat dari Amerika Syarikat bagi memasang tiga turbin, setiap satu berupaya menggerakkan kuasa sehingga 125 MW, kata **Samy** Vellu yang menjelaskan perkembangan mengenai masalah itu kepada Jemaah Menteri semalam.

Katanya, usaha mengadakan turbin-turbin baru itu dijangka dapat mengatasi krisis tenaga itu dalam **masa** enam hingga sembilan bulan akan datang.

Isnin lepas, Pengerusi Tenaga Nasional Tan Sri Ani Arope berkata seluruh negara, akan **mengalami** gangguan bekalan elektrik yang lebih teruk jika pengguna terutama sektor perindustrian tidak menjimatkan penggunaan tenaga dalam tempoh tiga bulan akan datang. -- Bernama.

♥18/02/12-13MST

CNS4161

R GB 18-02 00181 BA966

bah

Mahathir - Tenaga 3 Kuala Lumpur (sambungan berita)

Di IPOH, Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib meminta Tenaga Nasional Berhad menyegerakan kerja membaik pulih stesen hidro elektrik Chenderoh, yang telah beroperasi **selama** 60 tahun.

Katanya, stesen yang mula beroperasi pada 1933 itu perlu dipertingkatkan kapasiti pengeluaran tenaga elektrik kepada 40 hingga 45 **megawatt** bagi menampung keperluan yang meningkat.

Stesen itu kini hanya mampu mengeluarkan 30 hingga 35 **megawatt** pada kadar maksimumnya, katanya kepada pemberita selepas melancarkan Minggu Kebangsaan Fisioterapi peringkat negeri di Hospital Besar di sini hari ini.

Ramli juga menolak dakwaan sesetengah kalangan kononnya masalah kekurangan kuasa elektrik berlaku disebabkan kerajaan-kerajaan negeri tidak memaklumkan kepada Tenaga Nasional mengenai jangkaan tambahan keperluan tenaga elektrik apabila membuka kawasan perindustrian baru.

Katanya, Tenaga Nasional merupakan di antara agensi utama yang menganggotai Jawatankuasa Industri Negeri masing-masing yang bertanggungjawab bagi pembukaan kawasan industri baru.

Beliau berkata memandangkan keadaan di Perak adalah meruncing dan membimbangkan, satu kempen peringkat negeri akan dijalankan bagi menasihati pengguna supaya lebih berjimat menggunakan elektrik. -- Bernama.

▼18/02/14-04MST